

'Kurung rakyat sudah tak sesuai'

m/d: 2

PH- 15/9/2021

Pembukaan sektor ekonomi bantu pemulihan negara, tingkat kesihatan mental

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan membuka sektor ekonomi memandangkan langkah 'mengurung' rakyat dilihat tidak lagi sesuai dan dikuatiri mendatangkan lebih banyak implikasi termasuk kesihatan mental.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat bukan sahaja dapat membantu mempercepat pemulihan ekonomi negara, malah memberi peluang dan ruang untuk rakyat memperbaiki hidup.

"Pembukaan semula 11 sektor ekonomi di negeri-negeri Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) adalah wajar berikutan peratusan penerima vaksin yang tinggi.

"Malah, keputusan ini dibuat dengan mengambil kira data penilaian risiko yang dijalan-

kan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP)," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Mohd Salim mengajukan soalan mengenai kewajaran pembukaan semula 11 sektor ekonomi ketika kes harian baharu masih mencatatkan angka membimbangkan.

Menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) mengenai langkah yang diambil kerajaan berhubung laporan pendapatan isi rumah kasar bulanan yang menurun sehingga 10.3 peratus susulan pandemik, Ismail Sabri berkata,

kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat terutama isi rumah miskin dalam kalangan B40.

Antara langkah dilaksanakan melalui program peningkatan pendapatan dan keupayaan, menambah baik akses daripada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan, menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan dan meningkatkan perlindungan sosial.

"Pelbagai bantuan disediakan kerajaan di bawah lapan pakej rangsangan sejak pandemik, kebanyakannya bersifat jangka masa pendek bagi mengurangkan tekanan terhadap individu serta isi rumah yang terkesan.

PM pertahan lantik Muhyiddin Pengerusi MPN

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempertahankan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang bertaraf menteri.

Beliau berkata, Muhyiddin sudah memegang jawatan berkenaan sejak MPN diwujudkan dan dengan itu kerajaan memberi kepercayaan kepadanya untuk terus menggalas tanggungjawab terbahit.

"Dari segi MPN yang dipengerusikan Ahli Parlimen Pagoh (Muhyiddin), memang beliau sudah

menjadi pengerusi sejak mula MPN diwujudkan. Jadi, sebab itu kita beri kepercayaan kepada beliau untuk teruskan tugas," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim Bandar Baharu), yang mahu mengetahui rasional Muhyiddin dilantik mengetuai MPN.

Pelantikan Muhyiddin untuk jawatan itu diumumkan Ketua Setiausaha Negara yang juga Setiausaha Jemaah Menteri, Tan Sri Mohd Zuki Ali pada 4 September lalu.



Ismail Sabri menjawab soalan pada Persidangan Penggal Keempat Parlimen Ke-14 di Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Rancangan kita untuk jangka sederhana dan panjang seperti memberi latihan keusahawanan dan peningkatan kemahiran golongan ini diberi ruang menambah pendapatan atau mencari punca pendapa-

tan baharu," katanya.

Perdana Menteri memaklumkan, berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan pada Ogos 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pendapatan purata kasar bulanan isi rumah menurun sebanyak 10.3 peratus daripada RM7,901 pada 2019 kepada RM7,089 pada 2020.

Katanya, kadar kemiskinan pula meningkat kepada 8.4 peratus, berbanding 5.6 peratus pada 2019.

"Selain itu, kadar pengangguran meningkat dengan ketara kepada 5.3 peratus pada Mei 2020, berbanding 3.3 peratus pada 2019, manakala kira-kira 600,000 isi rumah daripada kumpulan M40 yang berpendapatan antara RM4,850 dan RM10,959 sebulan jatuh ke kumpulan B40," katanya.